

E-BULETIN PNS

Edisi 1 | Jan - Mac 2016



INTI
INTERNATIONAL UNIVERSITY
LAUREATE INTERNATIONAL UNIVERSITIES



LOI ANTARA PNS DAN INTI IUU - 24



*AUTHORIZE TRAINING
CENTRE - 2*



*KURSUS PENINGKATAN
KEMAHIRAN CNC EDM WIRECUT*

- 9



*LAWATAN PELAJAR
ANTARABANGSA UNIVERSITAS
BENGKULU INDONESIA - 10*



*SEMINAR PERSEDIAAN
MUET - 13*



*KUNJUNGAN HORMAT DELIGASI
PENGURUSAN TERTINGGI
FELDA WILAYAH TROLAK - 18*



*MEMPROMOSIKAN POLITEKNIK
NILAI - 20*



*PROJEK PEMBANGUNAN &
PELANCARAN KEBUN
HIDROPONIK NFT MPSJ - 27*

Jabatan Perdagangan (JP)

PELANCARAN 'AUTHORIZE TRAINING CENTRE'

Oleh: Puan Shamariza Maarof



2

Pada 16hb Februari 2016, secara rasminya Politeknik Nilai telah ditauliahkan sebagai "Authorize Training Center" oleh The Chartered Institute of Logistics and Transport bagi kursus professional jangka pendek untuk bidang logistik. Perasmian ini telah dilakukan oleh Presiden CILTM iaitu Dato' Abd Radzak Bin Abd Malek, Kursus ini terbuka kepada semua termasuk pelajar dan pekerja industri yang ingin meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang logistik, pengurusan rangkaian bekalan dan pengangkutan. Sijil kursus akan dikeluarkan oleh pihak CILTM dan diiktiraf di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Disamping pelancaran Politeknik Nilai sebagai "Authorize Training Centre", turut diadakan juga "DLS Day". Program ini bermula seawal jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Peserta yang terlibat adalah seramai 340 orang pelajar termasuk pelajar-pelajar DLS daripada Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Politeknik Metro Johor Bahru (PMJB) dan Politeknik Seberang Perai (PSP). Aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada hari berkenaan termasuklah Seminar Logistik yang bertajuk "Be a Logistician Expert" yang disampaikan oleh Puan Hajah Zawiyah Abdul Majid daripada The Chartered Institute of Logistics & Transport Malaysia (CILTM) dan konsultan kanan, Mr. R.Siva yang menerangkan tentang isu "Green Logistics". Aktiviti riadah juga dijalankan seperti Adventurous Explorace yang bertujuan untuk membentuk semangat kerjasama dalam pasukan antara semua warga DLS. Pameran hasil rekabentuk gudang yang bertemakan "21st Century Warehouse" turut dilakukan. Di mana, hasil rekaan gudang yang terbaik telah dipertandingkan ke pertandingan rekabentuk gudang di Politeknik Metro Johor Bahru pada 28 & 29 Februari 2016 yang lalu.



KEJOHANAN BOWLING TERTUTUP JP

Oleh: Puan Nor Haziah Hussin

Kejohanan Bowling Tertutup Jabatan Perdagangan telah dilaksanakan pada 25hb Mac 2016, bertempat di Pusat Bowling D'Tempat, Bandar Seri Sendayan bermula pada pukul 2.45 petang hingga 5.00 petang. Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik, Dr Siti Junaidah Binti M.Mujir dan disertai oleh semua warga Jabatan Perdagangan serta tetamu jemputan yang terdiri daripada Pegawai ULPL, Pegawai LI dan staf Jabatan Pengajian Am. Objektif utama kejohanan ini dibuat adalah untuk mengukuhkan ukhuwah dikalangan staf Jabatan Perdagangan dan juga merapatkan kesefahaman dikalangan staf Politeknik Nilai umumnya. Para pemenang dianugerahkan piala dan cabutan bertuah juga turut dibuat untuk memeriahkan majlis.



3

Pada 24 Mac 2016 (Khamis), telah berlangsung Pertandingan Projek Akhir Terbaik Jabatan Perdagangan bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB), Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang) (DEC) dan Diploma Logistik dan Rangkaian Bekalan (DLS) bertempat di Dewan Kuliah Utama. Sebanyak sembilan (9) kumpulan yang telah berjaya ke peringkat akhir di mana melibatkan sembilan (9) orang pensyarah di Jabatan Perdagangan. Projek Akhir ini telah dinilai oleh tiga (3) panel luar yang terdiri daripada Encik Mohd Haliemy Sapari dari Bank Rakyat, Encik Wan Kamarudin Wan Zakaria dari DGM Support (Malaysia) Sdn Bhd dan Encik Mohd Fadzli Badarul Hisham dari Codework Studio. Pelaksanaan program ini telah memberikan pendedahan kepada pelajar tentang proses penyelidikan yang bersifat saintifik dan program perisian (software) yang boleh diaplikasikan dalam alam pekerjaan apabila menamatkan pengajian kelak. Pemenang bagi Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) adalah bagi projek “Persepsi Staf Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Terhadap Ilmu Faraid”, penyelia projek ialah Puan Kamisah Salikin. Bagi Program Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang) (DEC), dimenangi oleh projek “Naynis Adaman”, penyelia projek ialah Puan Azalinda Mat Saad dan bagi Program Diploma Logistik dan Rangkaian Bekalan (DLS), projek dimenangi oleh projek “Factors That Influence Service Quality Towards Customer Satisfaction In Using Public Transport Between Bus, Taxi, and ERL From KLIA to KL Sentral”, penyelia projek adalah Puan Shamariza Maarof.

PERTANDINGAN PROJEK AKHIR TERBAIK JABATAN PERDAGANGAN

Oleh: Puan Kamisah Salikin



PROJEK JUALAN KURSUS 'CUSTOMER SERVICE'

Oleh: Puan Nor Haziah Hussin




Bagi memenuhi keperluan kursus "Customer Service", satu program projek jualan telah dilaksanakan oleh pelajar semester dua Diploma in Retail Management, pada 2hb Februari 2016 bermula daripada 10.00 pagi hingga 1.00 petang. Terdapat lapan gerai jualan telah dibuka dan pelbagai barangan telah dijual oleh para pelajar. Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan teknik dan kaedah mengendalikan perkhidmatan kepada pelanggan. Setiap kumpulan dinilai daripada segi kemampuan berkomunikasi, menjawab persoalan, bekerjasama dan menguruskan perniagaan yang dijalankan. Keseluruhannya program ini dapat dikendalikan dengan jayanya dan mendapat maklumbalas yang baik.

BENGGKEL INTERNET MARKETING (FB ADS)

Oleh: Puan Atiqah Mohamad Sani

Program Fb Ads diadakan pada 19 Februari 2016 (Jumaat) bertempat di Makmal Komunikasi, PNS. Penceramah untuk bengkel ini ialah saudara Nasrul Izad Bin Mohd Isa dari Nasrul Izad Internet Marketing. Pelajar yang terlibat untuk bengkel ini ialah dari semester 4, Diploma Pengajian Perniagaan E-dagang (DEC). Bengkel ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkenaan aplikasi serta kaedah penggunaan media baru dalam pemasaran dalam talian.



SEMINAR KESEDARAN KESELAMATAN PENGGUNAAN INTERNET

Oleh: Cik Norhidayah Samsu



Seminar kesedaran keselamatan penggunaan internet telah dianjurkan oleh program E-Dagang pada 9 Mac 2016 (Rabu) lalu dengan menjemput tiga orang penceramah dari syarikat Cyber Security Malaysia iaitu Encik Aaron Mokhtar dengan tajuk syarahan, 'Wifi Threats'. Manakala jemputan dari syarikat Communication and Multimedia Content Forum (CMCF), En Khairul Amin Bin Abd Rashid selaku Eksekutif Operasi CMCF dengan tajuk Kod Penggunaan bersama rakannya Encik Mohd Saufi Bin Sujono selaku Penolong Penyelia CMCF dengan tajuk Etika Penggunaan Internet. Seramai 275 orang pelajar dari Diploma Pengurusan Perniagaan (E-Dagang) dan beberapa orang pensyarah menghadiri seminar ini dengan jayanya. Seminar ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepentingan aspek keselamatan terutama penyimpanan maklumat yang selamat. Peserta juga mampu menghubungkan ilmu di dalam kelas mengenai ancaman perniagaan dalam talian berdasarkan contoh-contoh jenayah siber yang didedahkan. Seminar ini juga memberi pendedahan kepada peserta mengenai peraturan penghasilan maklumat atau pengiklanan digital mengikut kod kandungan yang ditetapkan oleh pihak CMCF. Pelajar juga mengambil peluang yang ada untuk bertanya kepada pihak penceramah mengenai isu berkaitan. Terima kasih kepada semua pensyarah program E-Dagang dan pihak industri yang terlibat dalam menjayakan seminar ini. Dan tidak lupa kepada peserta yang mengambil bahagian. Semoga program seperti ini menjadi seminar tahunan dianjurkan program E-Dagang.

5

LAWATAN AKADEMIK KE GARDENIA BAKERIES SDN BHD

Lawatan akademik ini disertai oleh 40 orang pelajar DLS 5 pada 21 Januari 2016 yang lalu. Kilang yang mengeluarkan produk roti, waffle dan jem ini beroperasi di Syeksen 26, Shah Alam, Selangor. Objektif lawatan adalah untuk mengetahui peranan dan tugas pihak pengeluar, pengurusan rantai bekalan dan mendapatkan gambaran sebenar proses yang dilakukan oleh pihak pengeluar berkenaan dengan aktiviti pengagihan dan memahami konsep Distribution Management dalam industri makanan. Aktiviti bermula dengan sesi pengenalan dan taklimat ringkas daripada pihak Gardenia, diikuti dengan tayangan video korporat dan seterusnya melawat sekitar kilang untuk mendedahkan para pelajar mengenai proses penghasilan roti sehingga roti siap dibungkus untuk proses pengedaran dan jualan dalam pasaran tempatan.



LAWATAN AKADEMIK KE KL AIRPORT SERVICES SDN BHD (KLAS)



Pada 26 Januari 2016 yang lalu, program Diploma pengurusan logistik dan rangkaian bekalan (DLS) telah mengadakan lawatan akademik ke KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS) yang bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 1.00 petang. Lawatan akademik ini melibatkan para pelajar daripada semester akhir. Antara objektif lawatan ini dijalankan adalah untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajar tentang aktiviti logistik yang melibatkan pengendalian kargo dalam proses memunggah dan memuatkan barangan sebelum dihantar ke orang tengah atau pengguna akhir. Selain daripada itu, lawatan akademik ini dapat memberi kefahaman kepada pelajar tentang masalah dan isu semasa berkaitan dengan pengendalian kargo dan memberi gambaran kepada para pelajar tentang cabaran yang bakal dihadapi didalam dunia pekerjaan terutamanya dalam bidang logistik.

LAWATAN INDUSTRI KE KILANG ANIS FOOD SDN. BHD.

Oleh: Puan Norhafieza Bambang Shaidi

Pada 2 Februari 2016 (Selasa), seramai 38 pelajar DEC4 telah mengadakan lawatan ke Kilang Anis Food Sch Bhd, Shah alam diiringi oleh pensyarah pengiring iaitu Puan Norhafieza Binti Bambang Shaidi. Hasil daripada lawatan berikut pelajar didedahkan lebih jelas tentang ilmu keusahawanan. Selain itu, konsep perniagaan dari segi pemasaran, penghantaran produk serta perkhidmatan pelanggan dan sebagainya telah dijelaskan oleh wakil syarikat semasa lawatan. Akhir kata, ucapan terima kasih kepada pihak Kilang Anis Food Sdn. Bhd, Shah Alam kerana sudi menerima kunjungan dari kami.



LAWATAN INDUSTRI DRM KE COLORS ADDICTION SDN BHD

Oleh: Puan Nor Haziah Hussin



Tanggal 25hb Februari 2016, Program Diploma in Retail Management telah mengadakan lawatan industri ke Syarikat Colors Addiction Sdn Bhd. Lawatan ini telah disertai oleh kelas DRM 3 seramai 37 orang dan diiringi oleh dua orang pensyarah, iaitu Puan Nor Haziah binti Hussin dan Pn Rusilah binti Othman. Syarikat ini merupakan pengeluar pelbagai tudung bawal iaitu BawalScarf AidiJuma dan BlossomRTW. Para pelajar telah dibawa melawat ke dua bahagian iaitu Store Aidijuma dan Colors Addiction Wholesale Sdn. Bhd. Pengurus Procurement, Encik Ezly Marzuki, telah memberi penerangan tentang operasi yang dilaksanakan oleh pihak syarikat dan cawangan yang dimiliki. Lawatan akademik ke Colors Addiction Sdn. Bhd. ini, memberi impak yang baik kepada pelajar DRM, kerana pelajar dapat melihat sendiri bagaimana susun atur sesebuah outlet, perancangan perkhidmatan penghantaran dan juga kaedah promosi yang digunakan dalam pemasaran barangan.

PERKONGSIAN ILMU BERSAMA INDUSTRI (BERYL'S CHOCOLATE)

Oleh: Puan Zauyah Azman

Pada 7 Mac 2015 (Isnin), seramai 30 pelajar DEC3B telah mengadakan lawatan ke Beryl's Chocolate, Seri Kembangan, Selangor diiringi oleh pensyarah pengiring iaitu Puan Zauyah Binti Azman dan Puan Atiqah Binti Mohd Sani. Pelajar telah diberi taklimat mengenai Beryl's Chocolate dan melawat ke beberapa bahagian pameran. Lawatan ini juga memberi pengalaman kepada pelajar dan melihat sendiri apa yang terdapat di dalam Kilang Beryl's Chocolate. Sesungguhnya lawatan yang dilakukan telah mendedahkan pelajar kepada perjalanan sebenar Beryl's Chocolate. Terima kasih kepada Beryl's Chocolate kerana sudi menerima kunjungan dari kami.



LAWATAN AKADEMIK KE ETIQA TAKAFUL

Oleh: Puan Suzana Ithnain



Lawatan akademik ke Etiqa Takaful ini telah diadakan pada 16hb Mac 2016. Program ini bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Program ini dapat memberikan banyak impak kepada pelajar khususnya dalam mendedahkan pelajar dengan dunia sebenar kewangan dan perbankan islam, serta mengetahui berkaitan produk-produk Takaful di Malaysia. Secara tidak langsung pelajar dapat berkomunikasi dengan pihak industri dan dapat membantu pelajar memahami dengan lebih terperinci mengenai sistem kewangan dan perbankan islam di Malaysia (Takaful). Turut tercapai hasil daripada seminar ini ialah KPI jabatan dalam aspek interaksi dengan pihak industri serta meneroka peluang-peluang kolaborasi.

**PENDIDIRAN ADALAH SENJATA
PALING AMPUH UNTUK
MENGUBAH DUNIA
~ NELSON MANDELA**

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)



8

KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN -CNC EDM DIESINKER

Kursus Aplikasi Mesin CNC EDM DieSinker DJM 2012 ini adalah bertujuan bagi mempraktikkan kemahiran praktikal pelajar dan pensyarah terhadap aplikasi serta teknik yang digunakan dalam pemesinan kejituan tinggi seperti mesin CNC khususnya mesin CNC EDM DIE SINKER. Satu kursus seumpamanya telah dijalankan pada 17 dan 18 Mac 2016 (Khamis hingga Jumaat) di Bengkel Teknologi Pemesinan CNC, Institut Latihan Perindustrian, ILP Pedas yang melibatkan seramai 9 orang pelajar dan seorang pensyarah pengiring dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Kursus ini adalah kesinambungan dari kursus siri yang pertama peningkatan kemahiran pelajar iaitu Kursus Peningkatan Kemahiran – CNC EDM WireCut. Keperluan kepada kedua-dua mesin ini adalah amat ketara di industri dalam bidang penghasilan mold and die dengan kejituan yang sangat tinggi berbanding kaedah pemesinan yang lain seperti menggunakan mesin CNC Miliing.



KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN -CNC EDM WIRECUT



Kursus Aplikasi Mesin CNC EDM Wirecut DJM 2012 ini adalah bertujuan menyediakan dan melengkapkan pengetahuan dan kemahiran para pelajar khususnya dan pensyarah amnya di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal terhadap penggunaan dan tatacara yang tepat dalam mengendalikan sesuatu mesin khususnya mesin CNC EDM Wirecut bagi kursus DJM2012. Satu kursus seumpamanya telah dijalankan pada 15 dan 16 Mac 2016 (Selasa hingga Rabu) di Bengkel Teknologi Pemesinan CNC, Institut Latihan Perindustrian, ILP Pedas yang melibatkan seramai 9 orang pelajar dan seorang pensyarah pengiring dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Pemilihan ILP Pedas adalah bertetapan dengan tahap kompetensi staf yang ada dengan Sijil Kemahiran yang diiktiraf dari Jabatan Pembangunan Kemahiran, JPK serta kesesuaian mesin yang ada di sana dengan silibus bagi program Diploma Kejuruteraan Mekanikal.

9



Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB)

LAWATAN PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITAS BENGKULU INDONESIA DI JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN BIO-INDUSTRI

Oleh: Puan Hazwani Husain

Susunan lawatan kali pertama Dr. Sal Prima Yudha S dari Universitas Bengkulu, Indonesia, satu program pertukaran pelajar telah dilaksanakan di antara Universitas Bengkulu dan Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Seramai empat orang pelajar Diploma Laboratorium Sains, Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam, Universitas Bengkulu diiringi Ketua Program, Puan Evi Maryati, telah menyertai program ini bermula pada 15 Januari 2016 sehingga 30 Januari 2016. Antara aktiviti yang telah disertai oleh pelajar-pelajar Diploma Laboratorium Sains, Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam, Universitas Bengkulu tersebut adalah praktikal makmal bagi kursus-kursus Diploma Bioteknologi seperti Laboratory Techniques and Management, Bioprocess Technology, Cell and Tissue Culture Technology, Microbiology, Chemistry dan Genetics. Selain itu, para pelajar juga telah melawat tempat-tempat menarik di Malaysia seperti KLCC, PICC Putrajaya dan mendaki Bukit Kutu yang terletak di Kuala Kubu Bharu. Program pertukaran pelajar ini telah dapat mengeratkan lagi kerjasama antara Universitas Bengkulu, Indonesia dengan Politeknik Nilai, khususnya Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri. Program ini juga telah menambahbaik pengetahuan pelajar dan meningkatkan kemahiran “hands-on” berkaitan kajian saintifik dan pengendalian radas-radas makmal yang berkaitan Bioteknologi. Semoga kerjasama erat ini akan membuahkan lebih banyak program bermanfaat bukan sahaja di antara para pelajar kedua-dua institusi, malahan diperluaskan lagi dengan penglibatan staf-staf pada masa akan datang.

10



CERAMAH INDUSTRI- CAREER TALK IN LANDSCAPE HORTICULTURE OLEH LOTUS DESIGN & SERVICES SDN BHD (LANDSCAPE CONSULTANT)

Oleh: Puan Yazidatul Fauziah Abdul Aziz



Ceramah berkaitan “Career Talk In Landscape Horticulture” adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai pembangunan dan laluan kerjaya kepada para peserta. Ceramah Industri ini disampaikan oleh Lar. Kamaluddin Bin Bilal dari LOTUS DESIGN & SERVICES SDN BHD (Landscape Consultant) dan telah berlangsung pada 22 Mac 2016. Career talk ini juga turut membantu para peserta dalam menentukan pemilihan kerja yang terbaik dalam era globalisasi yang penuh mencabar. Disamping itu, ia membantu pelajar mempertingkatkan keyakinan mengenali potensi diri dan seterusnya membantu pemilihan kerjaya yang terbaik dalam bidang hortikultur landskap.

11

Lawatan akademik ke tapak projek landskap iaitu di UITM Training Center, Bandar Enstek yang diuruskan oleh MALIK LIP ASSOCIATE SDN BHD (Landscape Consultant) telah berlangsung pada 2 Februari 2016. Pelajar dibawa ke pejabat tapak untuk sesi penerangan oleh Prof. Nik Malik Bin Nik Zainal Abidin sendiri mengenai pengurusan di tapak projek landskap, pengurusan dokumen dan pelan landskap Submission and Tendering Process dan mengenai skop kerja sebagai juruteknik landskap hortikultur di syarikat perunding landskap. Pelajar berpeluang melihat sendiri suasana dan cara kerja di tapak projek landskap supaya mereka lebih jelas dan bersedia setelah tamat belajar kelak.



LAWATAN AKADEMIK KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN LANDSKAP OLEH MALIK LIP ASSOCIATE SDN BHD (LANDSCAPE CONSULTANT)

Oleh: Puan Yazidatul Fauziah Abdul Aziz

Satu lawatan sambil belajar pelajar DLH 3 ke Kuliyyah of Architecture & Environmental Design (KAED), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah diadakan pada 11 Mac 2016. Sekumpulan pelajar Program DLH3 telah dibawa melawat ke Studio Ijazah Senibina Landskap. Ini adalah salah satu pendekatan kepada pelajar DLH 3 khususnya untuk memahami kehidupan sebenar pelajar di menara gading sekaligus memberi motivasi kepada mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, pelajar juga berpeluang menyaksikan sesi pembentangan projek oleh pelajar Tahun 1.



LAWATAN PELAJAR DIPLOMA LANDSKAP & HOLTIKULTUR KE UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)

12



Jabatan Pengajian AM (JPAM)



SEMINAR PERSEDIAAN MUET

Oleh: Isda

Seminar persediaan untuk menghadapi peperiksaan Malaysian University English Test (MUET) diadakan khas kepada pelajar semester 4 dan 5 Politeknik Nilai bagi memberi pendedahan dan persediaan untuk menghadapi ujian MUET yang menjadi salah satu syarat wajib kemasukan ke universiti tempatan. Sehubungan itu, Puan Raja Zaida bt Raja Ahmad Kamar, seorang ketua pemeriksa kertas MUET yang mempunyai pengalaman selama lebih 10 tahun, dijemput khas dari salah sebuah Institut Perguruan Guru untuk memberi pendedahan tentang cara terbaik untuk menjawab soalan-soalan MUET yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Listening, Speaking, Writing dan Reading. Seminar tersebut telah berjaya dijalankan pada 30 Jan 2016 dari jam 8 pagi hingga 1 tengahari di DKU, PNS. Diharapkan seminar tersebut dapat membantu calon-calon MUET seramai 143 orang untuk mendapat keputusan cemerlang atau sekurang-kurangnya 10% daripada calon mendapat Band 4 ke atas seperti yang termaktub dalam KPI JPP.



ANAK ANAK GELANDANGAN DIBERI PERHATIAN


Oleh: Isda

Tidak ramai yang mengetahui kewujudan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih(SBJK) yang dibina khas untuk anak-anak gelandangan, tiada status kewarganegaraan dan kurang kemampuan. Sekolah ini terletak berhampiran dengan Lorong Hj Taib yang terkenal dengan kegiatan tidak bermoral terutama sekali pelacuran. Oleh itu, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai telah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan kepada anak-anak yang berumur dari 4 hingga 17 tahun yang seramai 130 orang ini.

Seramai 20 orang pelajar PNS bersama 15 orang mahasiswa International University Malaya-Wales (IUMW) serta 16 orang pensyarah Jabatan Pengajian Am telah melawat sekolah ini pada 20 Januari 2016. Anak-anak SBJK yang setiap hari berada di sekolah dari 8 pagi hingga 4 petang ini dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pendidikan Islam untuk meningkatkan kesedaran kerohanian dan kemahiran Bahasa Inggeris mereka. Anak-anak SBJK yang dibahagikan kepada 3 kumpulan utama iaitu Pra sekolah (4-6 tahun), sekolah rendah (7-12 tahun) dan sekolah menengah (13-18 tahun) tidak belajar seperti kanak-kanak sekolah lain, mereka tidak memakai pakaian seragam seperti pelajar sekolah lain dan makan dan minum mereka ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Program ini juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar PNS untuk menghargai kehidupan yang mereka lalui berbanding dengan anak-anak di SBJK ini. Anak-anak SBJK kelihatan ceria sambil melakukan aktiviti yang disediakan bersama-sama abang-abang dan kakak-kakak dari PNS dan IUMW. Seharian berada di SBJK banyak memberi pengajaran kepada peserta dan pensyarah yang terlibat tentang kehidupan. Mengalir airmata melihat anak-anak kecil yang tidak berbapa, yang tinggal di lorong-lorong dan tidak dapat makan selain apa yang disediakan di SBJK sahaja. Semoga lebih ramai pihak membuka mata dan membantu anak-anak ini supaya mereka mendapat peluang untuk memiliki masa depan yang cerah.

14



REHLAH TARBAWI DI PANTAI BAGAN LALANG

Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai telah menganjurkan Rehlah Tarbawi di pantai Bagan Lalang pada 21 Februari 2016. Bermula seawal 7 pagi pelajar berkumpul di Pusat Islam Al-Kauthar Politeknik Nilai dan seterusnya ke tapak aktiviti. Program ini untuk Memupuk semangat bekerjasama dan berani menghadapi cabaran dalam diri peserta di samping mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesama ahli Rakan Pusat Islam. Seramai 35 pelajar Rakan Pusat Islam bersama pensyarah pengiring iaitu Ustaz Mohd Khairil Bin Zainal Bahrin dan En Is Aizat bin Samsuri terlibat dalam program ini. Aktiviti-aktiviti disusun mengikut kesesuaian tempat seperti solat Dhuha di tepi pantai, berwudhu menggunakan air laut dan pelbagai lagi aktiviti kemahiran yang menarik. Setelah tamat aktiviti-aktiviti yang dijalankan pelajar pulang ke politeknik pada jam 2 petang.



15

MERAKYATKAN PERLEMBAGAAN



Tanggal 19 Januari 2016 yang lalu bertempat di Dewan Kuliah Utama Politeknik Nilai, telah diadakan satu seminar Pengajian Malaysia yang bertajuk 'Perlembagaan Malaysia berdasarkan Kontrak Sosial'. Seramai 245 orang pelajar semester satu yang mengikuti kursus Pengajian Malaysia daripada semua program telah diwajibkan untuk menghadiri seminar tersebut. Seminar dibahagi kepada dua slot iaitu slot pertama memberi focus kepada Perlembagaan Malaysia manakala slot kedua pula meliputi topik Kontrak Sosial. Seminar ini telah disampaikan oleh Pengawai Penyelidik Parlimen Malaysia, Encik Idzuafi Hadi bin Kamilan selaku penceramah jemputan. Seminar yang berlangsung selama empat jam itu adalah bertujuan memberi kefahaman sebenar Perlembagaan Malaysia dan Kontrak Sosial dengan pengisian maklumat daripada penceramah jemputan yang pakar dalam bidang tersebut. Melalui seminar ini diharapkan pelajar akan dapat memahami peruntukan utama yang terkandung dalam Perlembagaan serta mereka akan dapat menilai kedudukan mereka sebagai warganegara yang bebas tetapi tertakluk kepada perlembagaan. Selain itu, matlamat seminar ini juga adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat memahami prinsip ketertinggian perlembagaan selain merangsang minat mereka untuk mempelajari kursus Pengajian Malaysia yang menjadi kursus wajib pelajar semester satu.

FANTASTIC ENGLISH LANGUAGE CAMP 2016



Politeknik Nilai dengan kerjasama program kolaborasi dan pengantarabangsaan antara Institut Perguruan Kampus Tun Hussein Onn dan Canterbury Christ Church University telah menganjurkan program ENGLISH LANGUAGE CAMP 2016 yang telah disertai seramai oleh 194 orang pelajar semester 1, 3, 4 dan 5 Politeknik Nilai dan dibantu oleh 9 orang fasilitator daripada English Youth Club Politeknik Nilai serta 7 orang guru pelatih dari Canterbury Christ Church University dan 15 orang guru pelatih dari IPGKTHO serta 16 pensyarah-pensyarah daripada Jabatan Pengajian Am. Program ini diadakan di Dewan Sri Putra Politeknik Nilai selama 2 hari iaitu pada 21 hingga 22 Januari 2016 (Khamis –Jumaat) dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Menurut Ketua Jabatan Pengajian Am, Encik Megat Ahmad Murad Bin Megat Baharuddin, tujuan program ini diadakan adalah sebagai laluan untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Program ini juga dapat membantu kebolehpasaran graduan politeknik dan juga mencapai saranan Menteri KPT agar kesemua pelajar politeknik mampu bertutur dalam Bahasa Inggeris dan dalam masa yang sama memenuhi kehendak pasaran. Program ini dijalankan dengan 3 aktiviti menarik yang telah disusun oleh guru-guru pelatih tersebut untuk menarik minat mereka dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar sekaligus menggalakkan mereka berinteraksi dan bekerja di dalam kumpulan. Program ini diakhiri dengan upacara penyampaian sijil dan cenderahati oleh Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Nilai Dr. Siti Junaidah Binti M. Mujir. Beliau menyeru pelajar-pelajar untuk memberi komitmen penyertaan kepada program-program Bahasa Inggeris yang dijangka akan diadakan secara berterusan.

16

CSR SJKT SUBANG

Pelajar yang mengikuti subjek DUB2012 Politeknik Nilai diberikan amanah untuk menjalankan satu projek untuk membina impian pelajar-pelajar SJKT Kubang untuk terus berjaya dalam pelajaran. Projek tersebut dilaksanakan pada 23.03.2016 bermula pada pukul 11.30 pagi dan berakhir pada pukul 3.00 petang. Program CSR ini terdiri daripada 20 Mahasiswa Politeknik Nilai dan seorang pensyarah pengiring serta 60 orang pelajar SJKT dari darjah 1 hingga darjah 6. Program dimulakan dengan sesi ramah mesra pelajar SJKT Kubang bersama mahasiswa dipimpin oleh Guru Besar SJKT Kubang. Beliau memandangkan usaha mahasiswa Politeknik Nilai ini sebagai satu usaha yang bagus bagi memberikan impian kepada pelajar SJKT Kubang untuk terus berjaya dalam pelajaran. Rata-rata lepasan pelajar di sekolah tersebut tidak menyambung pelajaran ke peringkat menengah. Setelah tamat sahaja sesi ramah mesra, pelajar-pelajar SJKT Kubang dibahagikan kepada dua kumpulan. Diantara aktiviti yang dijalankan ialah “Musical Chair”, “Tarian Riang Ria”, “siapa idola anda” “botol beracun” dan tarian traditional Kaum India. Bagi aktiviti Musical Chair pengajaran yang dapat diambil oleh pelajar-pelajar ini adalah untuk merapatkan hubungan antara kaum. Aktiviti ini juga dapat mengisi masa lapang pelajar pada waktu rehat di sekolah dan pada masa yang sama pelajar dapat mengeratkan hubungan dengan mahasiswa.



POSTER PRESENTATION COMPETITION

Unit Bahasa Inggeris Jabatan Pengajian Am sentiasa berhasrat untuk mempromosi penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, bukan sahaja di dalam kelas, bahkan di luar waktu proses pengajaran dan pembelajaran biasa. Kami percaya pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris pelajar di samping meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang. Program English Language Poster Competition bertindak sebagai laluan untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Program ini telah dijalankan pada 6 Januari 2016 di Bilik Komputer Perpustakaan. Para pelajar diberikan tempoh masa tertentu untuk mereka cipta poster mereka dan seterusnya membuat pembentangan. Para pelajar juga perlu menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh juri untuk meningkatkan pemahaman penonton. Program ini disertai oleh 4 orang pelajar dari setiap kelas semester 3. Melalui program ini pelajar semakin yakin untuk membuat pembentangan di dalam Bahasa Inggeris. Selain itu, pelajar mendapat pendedahan mengenai keperluan membuat pembentangan dan menyampaikan maklumat di tempat kerja serta dapat mempamerkan daya kreativiti masing-masing dalam penghasilan poster.



17

MAULIDUR RASUL 2016



Program Maulidul Rasul yang telah berlangsung pada 4,5,6 dan 11 Januari 2016 bertujuan untuk menarik minat pelajar dengan mengadakan program dan aktiviti pembangunan diri yang menjurus kepada menyemarakkan kecintaan kepada Nabi Muhammad dan Sunnah baginda serta mencintai keindahan Islam dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan sebagai seorang insan. Program yang dijalankan ini juga adalah untuk memperlihatkan keluasan skop agama yang meliputi pelbagai aspek. Selain itu, program Maulidul Rasul juga dapat menjurus kearah pembentukan jati diri pelajar yang cemerlang serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan spiritual. Program ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk terlibat dalam aktiviti yang dirancang dan sekaligus menghayati dan memahami keluasan skop ajaran Islam yang universal dan seimbang dalam proses melakukan perubahan diri untuk menghadapi cabaran kehidupan sebagai muslim yang cemerlang. Lokasi program adalah di sekitar Politeknik Nilai. Penyertaan program terbuka kepada semua mahasiswa Politeknik Nilai.

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK)

KUNJUNGAN HORMAT DELIGASI PENGURUSAN TERTINGGI FELDA WILAYAH TROLAK

Oleh: En Asseri Abdul Majid



Kunjungan hormat oleh deligasi pengurusan tertinggi Felda Wilayah Trolak adalah ekoran dari termeterainya MoU diantara JMSK Politeknik Nilai dengan Majlis Belia Felda pada 14 Oktober 2014. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh pengurus besar Felda Wilayah Trolak Encik Haidir bersama 25 ketua-ketua bahagian dari 5 gugusan felda yang terletak dibawah pengurusan Felda Wilayah Trolak pada 18 Februari 2016 Politeknik Nilai di ketuai oleh TPSA En. Wan Zulkifli, TPA Dr. Junaidah serta ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua unit yang berkaitan. Pensyarah JMSK yang terlibat adalah KJ Pn Nor Liza, Pn Norzarian, Pn Nurulazila, En Asseri dan En Hairul Hazam. Pertemuan dan Perbincangan diadakan di bilik mesyuarat Politeknik Nilai dan lawatan ke tapak NFT, pusat semeian JAB dan tapak penghasilan madu lebah kelulut. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk mencari peluang-peluang kerjasama dan bantuan yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

3 bidang utama telah dikenalpasti sebagai perintis dalam kerjasama ini;

- i. Pendidikan
- ii. Landskap
- iii. Salat NFT



KURSUS INTENSIVE MATEMATIK UPSR ANAK ANAK FELDA WILAYAH TROLAK

Oleh: En Asseri Abdul Majid



Kursus Intensive Matematik UPSR ini adalah program pertama yang telah di cadangkan dalam Kunjungan hormat oleh deligasi pengurusan tertinggi Felda Wilayah Trolak ke Politeknik Nilai pada 18 Februari 2016. Kursus ini adalah melibatkan seramai 20 pelajar terpilih yang akan menduduki UPSR pada tahun 2016 selama dua hari pada 26 – 28 Februari 2016. Pelajar-pelajar tersebut merupakan pelajar yang mendapat pencapaian gred B dalam matematik dan berpotensi untuk mendapat gred A dalam UPSR akan datang. Pelajar ini adalah terdiri dari pelajar terpilih daripada 5 buah felda yang terletak dalam pentadbiran Felda Wilayah Trolak. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada 5 pensyarah JMSK terdiri dari KJ Pn Nor Liza, Pn Zarina, Pn Nurulazila, En Asseri dan En Hairul Hazam serta dibantu oleh 3 pelajar sukarela JPP Politeknik Nilai sebagai fasilitator. Kursus ini diadakan di bilik kuliah teknologi 8 dan semua pelajar telah ditempatkan di asrama Politeknik Nilai sepanjang kursus tersebut. Kursus intensive ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pencapaian matematik bagi pelajar yang telah dikenalpasti berada dalam kategori gred B dan mempunyai potensi untuk mendapat gred A dalam UPSR tahun 2016. Kursus ini dijalankan di dalam bilik darjah dengan cara pensyarah mengenalpasti tajuk-tajuk yang menjadi kesukaran kepada pelajar terlebih dahulu melalui ujian pra Pensyarah akan memberikan penerangan dan penekanan terhadap tajuk-tajuk tersebut dengan dibantu oleh Pelajar JPP secara individu ujian post juga dibuat untuk mengenalpasti tahap peningkatan pencapaian pelajar-pelajar tersebut. Pelajar juga di bawa untuk berekreasi di sekitar kampus Politeknik Nilai Sesi ceramah motivasi disampaikan oleh Pn Halimah

19

Program CSR ini adalah satu program khidmat masyarakat iaitu membersihkan bagi mencapai hasrat untuk memenuhi tuntutan hak pengguna. Adalah diharapkan pelajar akan dapat pendedahan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar, menanam minat dan budaya kerjasama dalam kumpulan kearah pembentukan nilai-nilai murni. Seramai 21 pelajar lelaki dan perempuan dari Program Pra-Diploma Sains (IPS1) yang merupakan pengambilan sulung oleh JMSK terlibat dalam aktiviti tersebut. Seorang pensyarah JMSK Pn Norzarina telah terlibat dalam program ini pada 17 Mac 2016 di pantai Laguna Biru Port Dickson. Antara aktiviti sepanjang program ini adalah pembersihan pantai dan sukan sukaneka

PROGRAM CSR KEPENGGUNAAN PELAJAR PRA-DIPLOMA SAINS - SAYANGI ALAM SEKITAR'

Oleh: En Asseri Abdul Majid



Hal Ehwal Pelajar (HEP)



MEMPROMOSIKAN POLITEKNIK NILAI

Persatuan Ibu bapa Dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Agama Darun Nain, Kuala Krau, Temerloh telah menjemput JHEP PNS ke Mesyuarat Agung dan Majlis Hari Kecemerlangan Pelajar 2015 pada 26 Mac 2016. Mesyuarat yang bermula pada pukul 8.30 pagi dan berakhir pada pukul 1.00 tengah hari ini telah dihadiri oleh En A Jalil Bin Md Zain (KJHEP), En Megat Ahmad Murad (KJPA) dan En Shuharzi Bin Md Salleh (PHEP). Antara aktiviti lain yang diadakan adalah sesi taklimat program dan pengambilan yang dikendalikan oleh En Shuharzi dan juga sesi motivasi yang disampaikan oleh En Jalil dan En Megat Ahmad Murad. JHEP juga telah membuka booth pameran bagi tujuan promosi program khususnya dan PNS amnya kepada masyarakat setempat.

Unit Kaunseling dan Kerjaya

TERAPI R.E.S.T

Unit Psikologi dan Kaunseling dengan kerjasama ULPL telah menjalankan program R.E.S.T kepada Penasihat Akademik pada 3 dan 4 Febuari 2016 yang lalu. Terapi R.E.S.T ini adalah terhasil berasaskan kepada pendekatan Teori Pemusatan Insan Carl Rogers yang memfokuskan kepada ciri-ciri terapeutik dalam proses kaunseling. Dalam terapi REST ini pendekatan yang digunakan adalah bersifat Art therapy yang mana diaplikasikan bertujuan untuk membantu perluhan perasaan dan emosi klien. Menerusi modaliti seni ini klien akan didedahkan dengan aktiviti perluhan emosi melalui lukisan, muzik dan sebagainya.



21

PROGRAM MOTIVASI SEGALANYA BERMULA DISINI



Program Motivasi ini diadakan khas untuk pelajar pada 24 Mac 2016 di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Nilai. Program ini dihadiri oleh seramai 150 orang pelajar dari pelbagai jabatan dan semester pengajian dan berlangsung selama hampir 2 jam ini bermula pada pukul 2.30 petang. Penceramah motivasi, Puan Noraziah bt sino yang banyak memberikan input-input yang berguna dalam kehidupan seorang pelajar iaitu tanggungjawab sebagai seorang pelajar dan anak. Motivasi ini bertujuan melahirkan insan yang cemerlang bukan saja dari segi sahsiah malah mempunyai akhlak yang baik dan pemikiran yang kreatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang melanda mereka.

RUN WITH SUN

Gaya hidup yang sihat amat penting bagi semua lapisan masyarakat terutama kepada para pelajar. Satu program telah diadakan di Bukit Broga pada 6 Mac 2016 yang terletak di Semenyih, Selangor, pada hari Ahad yang lepas. Program ini terbuka kepada semua pelajar dan seramai 40 orang pelajar telah menyertainya. Aktiviti yang dilakukan adalah seperti meredah hutan dan mendaki Bukit Broga. Bermula seawal 5.30 pagi, seramai 39 orang pelajar yang terdiri daripada ahli Kelab Pembimbing Rakan Sebaya bersama 2 orang pegawai pengiring telah berjaya menawan Bukit Broga. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat berpasukan antara ahli Kelab Pembimbing Rakan disamping memberi kesedaran kepada para peserta mengenai pentingnya penjagaan kesihatan.



22

CREATIVE DAY



Unit Psikologi dan kaunseling telah mengambil satu inisiatif bagi mencantikkan dan menceriakan lagi suasana dan persekitaran bilik kaunseling. Program bermula pada pukul 9 pagi pada 26 Februari 2016 dengan membersihkan kawasan bilik kaunseling, melukis dan mewarna bilik kaunseling kelompok. Tujuan program ini diadakan adalah untuk melahirkan perasaan tenang, selesa dan kondusif terhadap sesiapa yang berkunjung ke bahagian Unit Psikologi dan Kaunseling ini.

BENKEL TEKNIK- TEKNIK ASAS BIMBINGAN (BTAP)



Satu bengkel teknik-teknik asas bimbingan (BTAP) telah diadakan di Dewan Kuliah 2, Politeknik Nilai pada 12 Mac 2016, sempena mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli baru Pembimbing Rakan Siswa Politeknik (PRSP). Bengkel ini diadakan selama 1 hari dan disertai oleh 30 orang ahli peserta. Perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Cik Nor Atikah bt Harun (Kaunselor Pelatih). Pelbagai aktiviti diadakan termasuklah mengajar teknik-teknik asas bimbingan. Teknik ini perlu dipelajari oleh ahli PRSP untuk membantu mereka bagi membantu kawan. Malahan aktiviti seperti perkongsian pengalaman “pilot train” iaitu setiap ahli akan berpengalaman merasa untuk menjadi pemerhati, kaunselor dan klien. LDK ini bertujuan memberikan galakan dan dorongan kepada golongan ahli PRS yang baru ini untuk menambahkan lagi ilmu yang sedia ada dan sebagai persediaan untuk menghadapi situasi yang tidak dijangka.

Unit Bimbingan dan Kaunseling SMK Dato' Mohd Said, Nilai telah mengadakan Pameran Pendidikan dan Kerjaya pada 30 Mac 2016 bertempat di Dewan Seri Muhibah SMK Dato' Mohd Said bermula pada pukul 8 pagi dan berakhir pada pukul 1.30 petang. Pameran tersebut bertujuan memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar tingkatan 4, 5 dan 6 untuk melanjutkan pelajaran di PNS selepas SPM dan STPM. PNS diwakili oleh 2 orang pegawai iaitu En Shuharzi Bin Md Salleh (PHEP) dan Pn Noorhamiza Bt Jusoh (KU Kaunseling) dibantu 2 orang pelajar dari Program DEM yang telah menyertai pameran tersebut.

PAMERAN PENDIDIKAN DAN KERJAYA



**PENDIDIKAN ITU HANJMA
MEMBERI RAIL, TIDAK
MEMBERI IRAN**

Unit Industri Korporat dan Kebolehpasaran (CISEC)

MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (LOI) ANTARA PNS DAN INTI IU

Oleh: Puan Kalsom Sailan



16 Februari 2016 - Majlis menandatangani perjanjian persefahaman (Letter of Intent) antara Politeknik Nilai (PNS) dan INTI International University & Colleges yang telah diadakan ini memberi peluang kepada pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di INTI IU dengan pengecualian kredit kepada lulusan Program Diploma Biotechnology. Fasa berikutnya akan disusuli oleh lulusan Perdagangan dan Kejuruteraan. Majlis telah disaksikan oleh Tuan Haji Mohd Ghaus bin Ab Kadir, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pihak Politeknik Nilai (PNS) manakala YBhg Dato' Dr Prof Rahmah Mohamed, Vice Chancellor, INTI International University mewakili INTI IU.

LOI ditandatangani oleh pengarah Politeknik Nilai Lt. Kol (PA) Tn Hj Mohamad Amin bin Hamat memeterai bagi pihak PNS manakala Mr Rohit Sharma, Chief Executive Officer INTI Universal Holdings Sdn Bhd bagi pihak INTI IU. Perjanjian persefahaman ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan dan kerjasama strategik di antara dua pihak dalam membangunkan program-program kolaboratif dan pembangunan intelektual antaranya:

1. Mempromosikan artikulasi, di antara program yang berkenaan dari kedua pihak agar membolehkan pelajar *Diploma POLITEKNIK* mengikuti kursus ijazah INTI yang telah dipersetujui dengan pengecualian kredit.
2. Mempromosi dan memperkembangkan penggunaan Bahasa Inggeris kepada pelajar *POLITEKNIK* melalui program *INTI Laureate English Language Program (LEP)* yang mampu mempertingkatkan penggunaan Bahasa Inggeris khususnya penggunaan 'English for specific professional purpose' di industri.
3. Mempromosi dan berkongsi pengalaman INTI di dalam mempertingkatkan daya saing dan peluang pekerjaan kepada pelajar *POLITEKNIK*.
4. Mempromosi pengalaman pengantarabangsaan kepada pelajar *POLITEKNIK* melalui pelbagai peluang dan program yang sedia ada di INTI di bawah jaringan 'Laureate International Universities'.
5. Mempromosi persefahaman dan kolaborasi akademik agar membolehkan *POLITEKNIK* menghasilkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak industri terkini.
6. Bekerjasama ke arah halatuju bagi merasmikan persefahaman ini sebagai suatu perjanjian rasmi di masa hadapan.

POLITEKNIK dan INTI komited untuk bekerjasama membangunkan perjanjian terperinci di atas yang mana merupakan kolaborasi pertama antara politeknik Malaysia dengan universiti swasta. Menurut Mr Rohit Sharma, graduan INTI akan memberi peluang kerjaya yang lebih luas kerana INTI berkerja dengan lebih 400 organisasi tempatan dan multinational dan pelajar akan bekerja dalam suasana bisnes sebenar semasa latihan praktikal. Rakan kongsi INTI dengan Laureate Universities Network akan memberi akses sumber antarabangsa dan pengalaman yang berbeza berbanding "job-seekers" yang lain. Dr Prof Rahmah Mohamed pula berkata perkongsian INTI dengan universiti antarabangsa membolehkan pelajar menimba sumber antarabangsa dari seluruh dunia dan mempelajarinya dari fakulti tempatan juga antarabangsa.

Hj Mohd Ghaus Ab Kadir dengan bangga menyaksikan pemeteraian yang pertama seumpama ini di antara politeknik Malaysia dengan universiti swasta yang "established" dan mengharapkan agar persefahaman ini dapat meningkatkan perkongsian kepakaran dan sumber antara PNS dan INTI IU. Hasrat ini boleh dilaksanakan antara pelajar dan staf seterusnya mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan masyarakat selain pembangunan program yang berkenaan seperti Bioteknologi yang menjadi "niche area" PNS dan membangunkan COT (Center of Technology) PNS.

Hj Mohamad Amin bin Hamat sebagai pengarah PNS mengharapkan gandingan kerjasama ini mampu menghasilkan beberapa keberhasilan (outcome) penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi seperti program penyelidikan bersama, projek inovasi, seminar juga projek CSR. Ketika ini PNS menawarkan 8 program di bawah 3 jabatan induk iaitu Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri, Kejuruteraan Mekanikal dan Perdagangan dengan kapasiti pelajar 1600, di mana anggaran 1000 tinggal di dalam kampus serta tenaga kerja seramai 160 staf akademik dan sokongan.

Unit Penyelidikan dan Inovasi

PNS RESEARCH & INNOVATION DEVELOPMENT PROGRAMME 1 2016

oleh: Puan Kamisah binti Salikin



Pada 29 Mac 2016 (Selasa), Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS) telah menganjurkan “Program PNS Research & Innovation Development 2016” (PRIDE 2016) yang bertujuan untuk pembudayaan aktiviti penyelidikan dan inovasi di PNS bertempat di Bilik Seminar ULPL. Pembentangan kolokium dibahagikan oleh pensyarah kepada dua (2) kategori iaitu bidang teknikal dan bukan teknikal. Sebanyak lapan (8) kertas cadangan penyelidikan dibentangkan yang melibatkan Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri. Semua pembentangan telah dinilai oleh empat (4) penilai yang telah mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan. Berikut merupakan lapan (8) kertas cadangan penyelidikan yang dibentangkan dalam kolokium yang diadakan.

- Antimicrobial Properties of Common Plants in Malaysia again oral Bacteria Isolate
- Effect of Compost Component in Soilless Media for Leafy Vegetables Growth
- Portable Excavator Ground
- The Development of Eggs Incubator Using Micro Controller
- Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Yang Dikehendaki Oleh Pelajar DKM2B Sesi Disember 2015
- Persepsi Pelajar terhadap Buku “Asas Pedoman Muslim” Sebagai Bahan Rujukan Penilaian Amali
- Young Green Consumer Profile Towards Green Purchase Behaviour in Retail Industry
- The Impact of Polytechnic Entrepreneur Activities in Developing Young Entrepreneur



juruan : Unit Penyelidikan & Inovasi

Unit Keusahawanan

HARI KEUSAHAWANAN DAN KO KURIKULUM POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN 2016

Hari Keusahawanan dan Kokurikulum Politeknik Nilai 2016 telah berlangsung pada 24 Feb 2016 bertempat di Tempat Letak Kereta Pentadbiran, Politeknik Nilai. Seramai 1687 orang pelajar telah dilibatkan. Pelajar-pelajar adalah terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus keusahawanan. Tujuan aktiviti ini diadakan untuk memupuk sifat keusahawanan dalam kalangan para pelajar, menerapkan ilmu perniagaan sebenar dalam kalangan para pelajar dan memberi nilai tambah dalam diri pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan sebenar. Sebanyak 55 gerai telah disediakan untuk pelajar dari Jabatan Mekanikal, Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri, dan Jabatan Perdagangan. Pelajar daripada Jabatan Perdagangan telah menjuarai gerai berciri keusahawanan yang berdaya saing.



PROJEK RINTIS INKUBATOR KEUSAHAWANAN TAKAFUL (PRINT) POLITEKNIK 2016



Projek Rintis Inkubator Keusahawanan Takaful (PRINT) Politeknik 2016 bersama Great Eastern Takaful Berhad merupakan program yang dilaksanakan kepada 5 buah politeknik sahaja. Politeknik yang terlibat ialah Politeknik Nilai, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Sultan Azlan Shah, Politeknik Port Dickson, Politeknik Banting dan Politeknik METro Kuala Lumpur. Tujuan program ini ialah untuk melahirkan usahawan takaful dalam kalangan pelajar politeknik, memberi peluang perniagaan dalam industri Takaful di Malaysia dan meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan politeknik. Seramai 36 orang pelajar Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam telah mendaftar sebagai peserta dan dilibatkan dalam Majlis Pelancaran pada 8 Mac 2016. Daripada 14 orang layak mengambil peperiksaan, hanya 7 orang yang lulus peperiksaan. Setelah lulus pelajar akan dilatih secara praktikal dalam industri takaful.



Kolej Kediaman Kamsis

PROGRAM PEMUTIHAN PELAJAR KAMSIS

Oleh: En Muhamad Rahmad Hassan



Satu program pemutihan peringkat KAMSIS Politeknik Nilai telah diadakan pada 20 Mac 2016 (Ahad) bermula jam 7.30 malam bertempat di Pusat Islam Al-Kautsar Politeknik Nilai. Program yang melibatkan semua pelajar muslim KAMSIS itu dikendalikan oleh pihak Pengurusan KAMSIS dan jawatankuasa RAPI dengan kerjasama pihak jemputan dari Pusat Rawatan Darussyifa' KLIA.

Seramai 7 orang pengamal Perubatan Islam dari Pusat Rawatan tersebut hadir memberikan sokongan dan dorongan serta di bantu juga oleh para warden KAMSIS dan ajk RAPI. Aturcara program tersebut antaranya adalah berselawat ke atas Nabi S.A.W dan memohon pertolongan dari Allah serta seterusnya diiringi dengan doa-doa khas diketuai oleh Ust Hj. Mokhsen Bin Ahmad dari Pusat Rawatan tersebut yang juga adalah Mantan Ketua Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri (JAB) Politeknik Nilai, Negeri Sembilan.

Seterusnya program diteruskan dengan 'memagar' kawasan kediaman KAMSIS dan 'memulihkan' kesihatan beberapa pelajar muslimah yang mengadu kurang sihat sebelum ini akibat gangguan makhluk halus. Program tamat pada kira-kira jam 11.00 malam.

Pihak jemputan memaklumkan bahawa program tersebut perlulah dijalankan secara berkala iaitu acara tahunan wajib oleh pihak pengurusan KAMSIS. Perkara tersebut telah mendapat perhatian pihak Pengurusan KAMSIS dan telah disampaikan kepada pihak Pengurusan Tertinggi Politeknik Nilai untuk diwajibkan secara tahunan serta dimasukkan ke dalam takwim aktiviti KAMSIS.

Poly Agropreneur Hidroponik (NFT)

PROJEK PEMBANGUNAN & PELANCARAN KEBUN HIDROPONIK NFT MPSJ

Oleh: En Muhamad Rahmad Hassan

Bermulanya pada tarikh 21 Disember 2015, Poly Agropreneur Hidroponik NFT Politeknik Nilai telah dipelawa dengan se-utus surat pelantikan melalui Pengarah Politeknik Nilai untuk memberikan khidmat pembekalan serta nasihat selepas pembekalan Sistem Hidroponik NFT di Kebun Mini Kompleks 3C, MPSJ, Bandar Sunway, Subang Jaya, Selangor oleh pihak MPSJ (Bahagian Jabatan Pembangunan Masyarakat).

Seramai 8 orang pelajar yang berpengalaman telah dilantik oleh Poly Agropreneur Hidroponik NFT Politeknik Nilai untuk mengendalikan projek pembekalan ini dengan dibantu oleh 5 Pensyarah Poly Agropreneur Hidroponik NFT Politeknik Nilai. Program ini berlangsung pada 8 Mac 2016 yang lalu



30
Pelajar yang terlibat sepanjang pembangunan projek Kebun Hidroponik NFT bertempat di Kebun Mini Kompleks 3C MPSJ :

- | | |
|---|-----------------|
| 1. Samsol Bahari Bin Hamdan | ~ 23DLH13F1019 |
| 2. Madros Adha Bin Roslan | ~ 23DLH13F1030 |
| 3. Mohd Fakhrol Razi Bin Nordin | ~ 23DBT13F2003 |
| 4. Muhammad Fadhil Bin Nazeri | ~ 23DLS 14F2033 |
| 5. Nurul Fakhriah Binti Ahmad | ~ 23DBT14F1056 |
| 6. Nurul Fatanah Izzati Binti Mohd Hamdan | ~ 23DBT14F2023 |
| 7. Faiz Sah'ari Bin Nalizar | ~ 23DKM13F2019 |
| 8. Muhammad Faiz Bin Mat Hashim | ~ 23DLS 13F2002 |

Pensyarah terlibat :

1. Puan Suraya Binti Abd. Warif
2. Encik Muhamad Rahmad Bin Hassan
3. Puan Rusilah Binti Othman
4. Encik Shazwan Bin Dzulkapli
5. Puan Dewi Maharah Binti Mohd Walid



Unit Jaminan dan Kualiti (UJK)

PNS DAPAT PENGIKTIRAFAN MS ISO 2001:2008

Demi menyahut seruan kerajaan , Politeknik Nilai (PNS) telah mengorak setapak kehadapan apabila dianugerahkan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti (Quality System Registration Quality) atau Sijil MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD pada 15/5/ 2015. Ini sejajar dengan kehendak kerajaan yang mana memastikan setiap jabatan kerajaan mengamalkan pengurusan yang berkualiti dan mendapat pengiktirafan ISO. Bagi mengekal dan menaiktaraf persijilan MS ISO 9001:2008 yang telah diterima oleh PNS, pihak SIRIM sekali lagi telah melaksanakan audit pemantauan (surveillance audit) pada 3-4 Mac yang dianggotai oleh 2 orang penilai dari SIRIM QAS iaitu Pn Siti Rahmah Ahmad dan Mohamed Azhar Kadir .

Hasil daripada proses pengauditan yang telah dijalankan, pihak PNS berjaya mengekalkan PERSIJILAN MS ISO 2001:2008 dengan 2 NCR (Non Comply Report). Kejayaan ini merupakan hasil usaha dan komitmen dari semua anggota PNS dalam menghayati dan melaksanakan sistem pengurusan berkualiti. Dengan adanya persijilan ini, diharapkan semua pihak akan lebih merasa selesa semasa berurusan dengan PNS.

SYABAS DIUCAPKAN KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT.

TAHNAH DIPLOMA BIOTEKNOLOGI (DBT)

Pada Januari 2016, Program Diploma Biotechnology telah berjaya mendapat sijil perakuan akreditasi daripada pihak MQA yang memperakukan bahawa program ini telah mencapai standard jaminan kualiti yang ditetapkan oleh agensi dan mematuhi kerangka kelayakan Malaysia. Perakuan ini diberikan hasil daripada lawatan penilaian akreditasi penuh yang telah dilaksanakan pada 14 dan 15 September 2015. Kejayaan mendapat perakuan ini bukan sahaja kejayaan kepada program dbt tetapi ia juga satu kejayaan kepada jabatan dan PNS secara keseluruhannya. Dengan adanya perakuan ini dapat membolehkan pelajar menyambung pelajaran dan memohon pekerjaan.

TERIMAKASIH KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM KEJAYAAN INI.

**HARTA HANCUR OLEH KERAKUSAN,
AMAL HANCUR OLEH RESOMBONGAN,
ILMU HANCUR OLEH KEBODOHAN**

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL)

MAJLIS ILMU - SUNNAH YANG SEMAKIN DILUPAKAN

Pada 26 Februari 2016 Pusat Islam PNS dengan kerjasama ULPL PNS telah mengunjurkan satu Majlis Ilmu - Sunnah Yang Semakin Dilupakan yang disampaikan oleh Imam Muda Arrazi di Dewan Kuliah Utama PNS. Peserta yang hadir adalah dari kalangan kakitangan dan pelajar PNS. Banyak ilmu yang diperolehi dari majlis ini dan semua kakitangan yang hadir dikira sebagai menghadiri satu hari berkursus.



DUA BUAH MESIN PEMBUAT KOPI BERBAYAR



Pada 24 Mac 2016, Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai, telah menempatkan 2 buah mesin Pembuat Kopi berbayar yang diletakan satu di Lobi Pentadbiran dan satu lagi di Cemara Inn. Mesin ini akan dikendalikan penuh oleh ULPL. Semoga dengan pembelian mesin kopi ini dapat memperkasakan lagi penjanaan wang Akaun Amanah Politeknik Nilai.

BENKEL PENILAIAN & PEMURNIAN ITEM PEPERIKSAAN AKHIR SESI DISEMBER 2015

Bengkel Penilaian & Pemurnian Item Peperiksaan Akhir Diploma Agroteknologi, Diploma Akuakultur, Diploma Landskap dan Holtikultur, Diploma Bioteknologi dan Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang) Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi Sesi Disember 2015 telah diadakan pada 23-26 Februari 2016, di Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Peperiksaan Politeknik Nilai Negeri Sembilan dengan kerjasama Unit Peperiksaan Politeknik Jeli, Kelantan dan Unit Peperiksaan Politeknik Sandakan, Sabah. Seramai 35 orang peserta telah menyertai bengkel ini dengan melibatkan panel luar dari UMT, UTHM, UPM dan UiTM. Semua peserta menginap di Lodge Cemara Inn.

BENKEL PEMBANGUNAN KURIKULUM KURSUS BAHARU, PANDU PUTERI SISWI POLITEKNIK

Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Kurikulum Kursus Baharu, Pandu Puteri Siswi Politeknik, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), Bil. 1/2016 pada 8-11 Mac 2016 di Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai. Peserta terlibat adalah seramai 10 orang dari kalangan pegawai Jabatan Pendidikan Politeknik.



BENKEL PEMBANGUNAN MODUL PSH KOLEJ KOMUNITI

Bahagian Akademik dan Pendidikan Berterusan, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah menganjurkan Bengkel pembangunan Modul PSH Kolej Komuniti pada 15-18 Mac 2016 dan 28-31 Mac 2016. Seramai 30 orang peserta terlibat dalam bengkel tersebut di Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan, Politeknik Nilai.

POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN